

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH
FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) siap dibina, dalam pembinaan dan akan dibina sejak dilancarkan pada tahun 2011 sehingga kini. Nyatakan secara terperinci mengenai skim pembiayaan sewa beli (Rent-to-Own) dan skim pembiayaan 110% yang telah diperkenalkan pada tahun 2014 untuk membantu pembeli rumah PR1MA.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan PR1MA Malaysia telah ditubuhkan dengan rasminya pada tahun 2013. Setakat ini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 233,380 unit rumah untuk dibina di pelbagai lokasi di seluruh negara.

Sebanyak 84,132 unit rumah PR1MA sedang berada dalam fasa pembinaan di seluruh Malaysia. Antara lokasi projek yang telah memulakan pembinaan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Perlis, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, sebanyak 883 unit rumah PR1MA telah berjaya disiapkan iaitu di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kedah. Manakala projek-projek lain sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan masing-masing sepertimana yang telah dijadualkan.

Berkenaan skim pembiayaan dengan panel bank, terdapat 6 panel institusi kewangan yang telah bersetuju untuk bekerjasama dengan PR1MA. Kesemua institusi kewangan ini bersetuju untuk menawarkan kemudahan pinjaman kepada bakal pembeli rumah PR1MA yang layak. Institusi-institusi kewangan tersebut termasuklah Maybank Berhad, CIMB Bank Berhad, Malaysia Building Society Berhad (MBSB), Bank Rakyat, Bank Islam dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Pinjaman yang ditawarkan oleh panel institusi kewangan PR1MA ini adalah sehingga 110% daripada Perjanjian Jual Beli (SPA). Melalui kemudahan ini, para pembeli tidak lagi terbeban untuk menyediakan bayaran-bayaran awalan seperti wang pendahuluan, yuran khidmat guaman, duti setem dan sebagainya. Semua pembeli rumah PR1MA perlu memohon secara terus kepada panel institusi kewangan PR1MA dan akan dinilai secara sewajarnya.

Sekiranya pembeli rumah PR1MA gagal mendapatkan pinjaman perumahan atas sebab-sebab tertentu, pembeli bolehlah memohon skim sewa milik iaitu Skim Rent-to-Own (RTO).

Sekian. Terima kasih.